

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 10 JANUARI 2024
AKHBAR : BERITA HARIAN
PAUTAN : <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/01/1198453/kalau-kita-tawar-rm1000-daftar-padu-ramai-nak-daftar-rafizi>

'Kalau kita tawar RM1,000 daftar PADU, ramai nak daftar' - Rafizi



Rafizi (dua kiri) menyerahkan Geran Di Bawah Program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) kepada Naib Canselor Universiti Teknologi Mara (UiTM), Prof Datuk Dr Shahrin Sahib @ Sahibudin (tengah) pada majlis penyerahan tersebut di UiTM Puncak Alam, Kuala Selangor. - Foto FAIZ ANUAR

KUALA SELANGOR: Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli manafikan proses pendaftaran Sistem Pengkalan Data Utama (PADU) terlalu perlahan walaupun lebih sejuta individu sudah mendaftar.

Beliau sebaliknya menjelaskan sistem itu masih sama walaupun pada awal pengenalannya menerima sambutan yang tinggi.

"Dalam mana-mana sistem pun biasalah.. kecuali kalau kita tawar RM 1,000 seorang untuk mendaftar, ramai nak daftar dan ia akan menjadi cepat.

"Sebab itu, kita akan terus pantau perkara ini. Kalau perlu intervensi (campur tangan) dari satu masa ke satu masa, ia akan terus berjalan demi mencapai sebanyak mungkin sasaran," katanya, malam tadi.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas majlis penyerahan geran di bawah Program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) dan sesi town hall bersama kepimpinan mahasiswa Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Selangor di DK 500, UiTM Kampus Puncak Alam, di sini.

Turut hadir, Pengerusi Lembaga Pengarah UiTM, Prof Emeritus Datuk Dr Raduan Che Rose.

Untuk rekod, pendaftaran PADU dibuka kepada orang ramai bermula 2 Januari lalu hingga 31 Mac ini dengan pengguna boleh mengemas kini dan mengesahkan butiran peribadi termasuk nombor kad pengenalan, bilangan isi rumah dan alamat kediaman.

Ia bertujuan meningkatkan kecekapan perancangan dasar dan pengagihan sumber, terutama pengagihan subsidi dan bantuan kerajaan yang lebih bersasar kepada rakyat yang benar-benar layak.

Pada masa sama, Rafizi memberi jaminan adalah lebih berlaku adil untuk kerajaan membuka peluang seluas-luasnya kepada rakyat negara ini untuk mengemas kini data mereka.

"Ini kerana kita tidak boleh memandang ringan soal risiko keciciran dalam pelaksanaan subsidi bersasar," katanya.